



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	3/4/2013



Dr Mahathir beramah mesra dengan guru besar dan pengetua sekolah selepas majlis Bicara Negarawan di Shah Alam, semalam. [FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

'Usah ikut emosi'

BH-3/4/2013

Shah Alam: Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat membuat pilihan tepat memilih ahli politik yang mewakili mereka selain pemimpin yang bakal menjadi Perdana Menteri.

Bekas Perdana Menteri berkata, suasana politik ketika ini membolehkan sesiapa saja menjadi ahli politik walaupun mereka tidak memiliki kelulusan dalam bidang yang diiktiraf dan jika dibiarkan, ia menyebabkan berlakunya kerosakan kepada negara.

"Jika kita ingin bekerja dalam sektor tertentu, sudah tentu kita kena ada kelulusan yang diperlukan untuk membolehkan kita mendapat pekerjaan yang dimohon tadi.

Keadaan berbeza dalam bidang politik apabila sesiapa saja

boleh menjadi ahli politik, sebab itu kita tengok sekarang ini ramai hendak jadi ahli politik.

Salah guna kuasa

"Jadi ahli politik ini sebagai satu cara hendak cari makan, bukan sebab itu berkhidmat kepada rakyat. Jadi, kita mungkin terdedah kepada pemimpin salah guna kuasa dan rakyat kena bijak menilai perkara ini bagi memastikan orang yang kita pilih itu benar-benar mampu mendatangkan kebaikan kepada kita dan negara.

"Oleh itu, kita kena mendidik pemimpin supaya lebih faham mengenai peranan mereka, contohnya ada kursus di universiti macam mana jadi Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Bicara Ne-

garawan 'Kecemerlangan Kepemimpinan Pendidikan Teras Pembentukan Generasi Terbilang' yang dihadiri hampir 2,000 hadirin di sini, semalam. Turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada majlis itu, Majlis Pengetua Sekolah Selangor dan Majlis Guru Besar Sekolah-Sekolah turut menyerahkan sumbangan Tabung Lahad Datu berjumlah RM9,740 kepada Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bijak menilai dan tidak membuat keputusan berdasarkan emosi semata-mata terhadap setiap tuduhan dilemparkan

"Jika tidak bijak menilai tuduhan, maka kita mungkin akan percaya setiap yang ada kuasa akan amal rasuah dan oleh kerana dia ada kuasa, jadi dia mesti rasuah," katanya.